

Pelajar UMSKAL perlu proaktif, inovatif

► Majlis Amanat Pengarah dan Pengenalan Pegawai-Pegawai UMS Kampus Antarabangsa Labuan

LABUAN: Pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) disaran agar mengamalkan sikap proaktif dalam merangsang aktiviti universiti dan menceriaikan kampus.

Pengarah UMSKAL Profesor Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, pelbagai program dan aktiviti boleh disertai secara aktif oleh pelajar sekaligus mengharumkan nama universiti di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA), negara dan antarabangsa.

Katanya, selama ini pun pelajar UMSKAL telah mengharumkan nama universiti dalam pelbagai pertandingan termasuk sukan, akademik dan kokurikulum di peringkat universiti dan kebangsaan.

Sehubungan itu, Murnizam meminta pelajar yang pernah mewakili sekolah atau negeri sebelum ini supaya terus mengasah dan menunjukkan bakat terpendam itu ketika menuntut di UMS Labuan.

"Pelajar yang berbakat perlu terus menabur bakti kepada universiti dalam pelbagai



MURNIZAM (dua kanan) bersama Geoffrey (dua kiri), Syed Nasirin dan Zamri (kiri) serta pegawai kanan UMSKAL menyanyikan lagu UMS.

pertandingan sama ada di peringkat IPTA, kebangsaan mahupun antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Amanat Pengarah dan Pengenalan Pegawai-Pegawai UMS Kampus Antarabangsa Labuan di Dewan Utama, kelmarin.

Majlis itu adalah antara program yang diatur sepanjang

Minggu Suai Mesra UMSKAL diadakan yang akan berakhir Sabtu ini.

Kira-kira 500 pelajar lelaki dan perempuan yang baru mendaftar bagi sesi pengajian akademik 2015/2016 hadir mendengar dengan tekun amanat berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Pengarah UMSKAL merangkap Pengerusi MSM Sesi 2015/2016 Prof Madya Dr

Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohammad Tuah.

Hadir sama, Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Amos Peter dan Ketua Pengarah Pembimbing Suai Mesra Sesi 2015/2016 Ezra John Anthony.

Dalam pada itu, Murnizam mahu pelajar menjadi individu yang sentiasa memajukan diri dan menjadi pelajar yang berinisiatif dan berakuntabiliti dalam menjaga nama baik universiti (jangan hanya tahu mengkritik, tetapi tidak konstruktif).

Katanya, pihak pengurusan universiti sentiasa mendengar pandangan semua pelajar tetapi hendaklah disalurkan mengikut saluran yang disediakan kerana sebarang tindakan yang negatif akan memberi refleksi yang tidak baik pada masa hadapan khususnya alam pekerjaan.



PELAJAR baharu UMSKAL terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa dari seluruh negara.

Beliau juga mengingatkan pelajar bahawa jati diri sebagai seorang mahasiswa perlulah dijaga dan tidak mudah terpengaruh serta terikut-ikut dengan sebarang unsur negatif sama ada dari dalam dan luar kampus yang mengakibatkan pengajaran dan pembelajaran terganggu.

"Amalkanlah budaya tolong-menolong dan hormat-menghormati sesama rakan, para pegawai dan masyarakat sekeliling agar anda sentiasa dipandang mulia sebagai seorang mahasiswa dan demi mengecapi keharmonian dan kesejahteraan di kampus ini," katanya.

Pada masa sama, beliau memberi jaminan pihak pengurusan akan sedaya upaya memberikan maklum balas yang tepat serta mendengar dan menyelesaikan permasalahan

yang dihadapi. Murnizam berkata, pengambilan dan kemasukan pelajar baharu dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun ini telah mencatatkan rekod yang tinggi berbanding statistik sebelum ini.

Seramai 820 pelajar yang telah ditawarkan pengajian di UMSKAL pada pengambilan tahun ini bagi kedua-dua fakulti iaitu Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) yang masing-masing menawarkan lima dan dua program termasuk dua program lagi di kampus induk.

Katanya, sejak ditubuhkan pada tahun 1999, UMSKAL mempunyai seramai 291 orang yang terdiri daripada

kakitangan akademik dan bukan akademik.

Antara kejayaan pelajar UMSKAL ialah muncul johan bola sepak pantai sempena Sukan Massa Pantai UMS tahun 2014, johan (bola sepak, bola tampar & bola jaring), sukan persahabatan Kolej Matrikulasi Labuan sempena Hari Kemerdekaan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2014, johan Festival Tari Borneo siri 5, tahun 2014.

"Pelajar UMSKAL juga telah mewakili UMS dalam acara kayak, Varsity boat race IPTA/IPTS tahun 2015 (kebangsaan) dan menerima pelbagai pingat di kejohanan sukan seperti Kejohanan Olahraga Terbuka Sabah (2014), Sukan Mahasiswa Borneo (2014), BIMP-EAGA, Labuan (2014) dan Sukan SEA, Singapura (2015)," katanya.

Beliau juga memaklumkan bahawa UMS diiktiraf sebagai sebuah universiti eco campus, yang memerlukan semua warga universiti sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar dan keceriaan kampus ini.

Murnizam juga mengingatkan pelajar supaya sentiasa menyayangi kampus seperti menyayangi keluarga anda dan menganggapnya seperti rumah sendiri, dengan berpegang kepada slogan 'Kampusku, Rumahku, Syurgaku'.



PEGAWAI kanan UMSKAL diperkenalkan kepada pelajar baharu sesi 2015/2016.



SEBAHAGIAN pegawai dan pensyarah wanita yang hadir.



ANTARA pensyarah FKAL dan FKI yang hadir di Dewan Utama.